



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA  
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS PERTUKARAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA MyIPO & MYNIC

---

KUALA LUMPUR, 21 Mac 2019 – Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) hari ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan MYNIC Berhad mengenai kerjasama pendaftaran nama domain. MyIPO telah diwakili oleh Dato' Mohd Roslan Mahayuddin, Menteri Pendidikan Tinggi, manakala pihak Kerajaan Republik Turki pula telah diwakili oleh TYT Prof. Dr. M. A. Yekta Saraç, Presiden Majlis Pendidikan Tinggi Republik Turki.

mengumumkan pelantikan Dr. Rozhan Othman sebagai Pengerusi MyIPO yang baharu menggantikan Allahyarham Dato' Sri Abdul Manan Ismail. Pelantikan beliau berkuatkuasa pada 12 Disember 2018 yang lalu. Dr.Rozhan mempunyai kelulusan PhD dari University College Dublin, Sarjana Pengurusan Perniagaan dan Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dari Universiti Ohio.

Beliau berpengalaman lebih 30 tahun dalam kajian pengurusan, perunding dan latihan serta merupakan professor dalam pengurusan di beberapa buah universiti tempatan dan luar negara. Beliau pernah menjadi ahli dan duta bagi Akademi Pengurusan di *HRM Division* Malaysia. Beliau kini merupakan Penasihat Strategik Bukan Eksekutif kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Dr.Rozhan telah menghasilkan beberapa buah buku dan menerbitkan artikel-artikel di jurnal antarabangsa berkaitan pelbagai isu pengurusan. Buku terbaru yang diterbitkan oleh beliau adalah "*Getting Ahead: Developing Competencies for Strategic Leadership*".

MyIPO turut mengumumkan pelantikan anggota perbadanan yang baharu. Mereka adalah Datuk Muez Abd Aziz dan Prof. Dr. Ida Madieha Abdul Ghani Azmi, masing-

masing berkuatkuasa pada 24 Oktober 2018 dan 12 Disember 2018. Ketika ini, MyIPO mempunyai lapan anggota perbadanan.

-Lagi-

Datuk Muez bin Abd Aziz memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana Ekonomi dari Vanderbilt University, Tennessee Amerika Syarikat. Di sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai penjawat awam, beliau pernah menyandang beberapa jawatan penting di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Kepenggunaan dan Pengurusan) di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Manakala, Prof. Dr. Ida Madieha Abdul Ghani Azmi memiliki kelulusan PhD dari Universiti of London, Sarjana Muda Undang-undang dan Sarjana Undang-undang dari University of Cambridge. Beliau merupakan perunding utama bagi Penderafan Garis Panduan Kebangsaan bagi Harta Intelekt dan Persaingan untuk Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi tempoh 2017 hingga 2018. Beliau turut menjadi perunding bagi Penderafan Modul Harta Intelekt untuk MyIPO dan World Intellectual Property Organization pada tahun 2017.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Panelis Nama Domain di Kuala Lumpur Arbitration Centre (boss.com.my (2004); paypal.com.my (2011) dan Asian International Arbitration Centre (dinamakan Airbnb.my (May 2018)). Beliau berpengalaman luas dalam bidang harta intelek, undang-undang siber dan undang-undang bioteknologi.

Sementara itu turut diumumkan pelantikan Dato' Mohd. Roslan Mahayudin sebagai Ketua Pengarah MyIPO yang baharu. Mohd. Roslan mempunyai kelulusan Diploma Undang-Undang dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Teknologi Mara (UiTM). Beliau memulakan tugas di dalam kerajaan sebagai Pembantu Undang-undang di Jabatan Peguam Negara pada 1985. Beliau telah berkhidmat di dalam kerajaan melebihi 31 tahun dengan menjawat pelbagai jawatan di KPDNHEP dan jawatan terakhir beliau adalah Pengarah Penguatkuasa, Bahagian

Penguatkuasa KPDNHEP. Pelantikan sebagai Ketua Pengarah MyIPO  
berkuatkuasa 2 Januari 2019.

# # #

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

AKHTAR SAHARI, Ketua Komunikasi Korporat

Tel: 012 6725667